

DARI KELANTAN

Air tadahan busuk, berkeladak

GUA MUSANG - Seramai 1,000 penduduk dari Kampung Star Baru dan Kala, di sini, kecewa kerana sumber tadahan air bukit yang dinikmati sejak 10 tahun lalu, tercemar hingga berbau busuk, keruh dan berkeladak.

Mereka mendakwa, masalah tersebut berpunca daripada aktiviti pembalakan dan perladangan yang dijalankan di situ sejak enam bulan lalu.

Penduduk, Rawi Mohd Noor, 48, berkata, pembinaan kawasan tadahan air itu dilakukan penduduk secara gotong-royong membabitkan peruntukan kerajaan berjumlah RM83,000.

• Bagaimanapun katanya, sejak adanya aktiviti pembalakan dan perladangan di situ, kawasan tadahan air bukit yang terletak kira-kira enam kilometer dari perkampungan itu didapati mula tercemar.